

# PM ketawa besar bila ditanya soal kahwin

UM- 7/3/2007

KUALA LUMPUR 6 Mac - Sidang akhbar selepas berlangsungnya taklimat kepada Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia (BNM) di sini gamat apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ditanya mengenai khabar angin beliau akan berkahwin tidak lama lagi.

Dengan senyuman yang lebar, beliau berkata: "Itu khabar angin, itu khabar angin."

Soalan yang diajukan itu disambut ketawa semua yang hadir, termasuk barisan wartawan dan Gabenor BNM, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Ura-ura perkahwinan Perdana Menteri itu bertiep kencang kebelakangan ini dengan ada yang mengatakan bahawa ia akan berlangsung bulan ini.

Apabila ditanya sekali lagi sama ada benar berita

itu hanyalah khabar angin, Perdana Menteri yang masih lagi tersenyum menjelaskan:

"Khabar angin. Khabar angin, khabar anginlah."

Para wartawan yang masih tidak berpuas hati mengajukan lagi soalan kepada Perdana Menteri sama ada perkahwinan yang dikata-katakan itu akan berlangsung dalam masa terdekat.

Namun, Abdullah tetap dengan jawapannya bahawa perkara tersebut hanyalah khabar angin.

"Khabar angin, khabar angin," jawabnya.

Abdullah seterusnya mencetuskan gelak ketawa apabila melihat wartawan masih mahu bertanya mengenai hal ini.

"Tu dah mai cerita-cerita lain pulak. Lagi nak tanya, siapa pulak nak kahwin?" soalnya.

Beliau dalam hal ini sekali lagi menegaskan

bahawa ia hanyalah khabar angin dan tidak lebih daripada itu.

"Khabar anginlah, ia hanya khabar angin. Itu sahaja, ia hanya khabar angin," ujarnya.

Isteri Abdullah, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmood meninggal pada 20 Oktober 2005 akibat penyakit kanser payu dara.

**ABDULLAH Ahmad Badawi**  
tergelak besar apabila seorang wartawan mengajukan soalan mengenai tarikh pernikahannya baru-baru ini pada sidang akhbar di Bank Negara, Kuala Lumpur semalam.